

# KEMPEN PEWARISAN ASNB 2022

## ("Kempen")

[DIKEMASKINI PADA 1 OKTOBER 2022]

### Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Syarikat 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini berlangsung pada 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022 ("Tempoh Kempen"). ASNB berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen atas budi bicara mutlakny.
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas ("Peserta") dan memenuhi kelayakan melanggan perkhidmatan Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah, juga dikenali sebagai Pewarisan ASNB ("Pewarisan ASNB").
4. Objektif Kempen bertujuan menggalak Peserta untuk melanggan perkhidmatan Pewarisan ASNB sebagai instrumen perancangan harta pusaka bagi memudahkan waris membuat tuntutan selepas ketiadaan mereka.
5. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat tawaran berikut:
  - (i) Peserta adalah pemegang unit ASNB yang mempunyai sekurang-kurangnya salah satu daripada tabung unit amanah ASNB;
  - (ii) Peserta perlu mengekalkan baki minimum satu ribu (1,000) unit (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli KWSP) di dalam tabung unit amanah ASNB yang ingin didaftarkan di bawah perkhidmatan Pewarisan ASNB;
  - (iii) Peserta belum lagi pernah mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB; dan
  - (iv) Peserta mesti menyerahkan dokumen lengkap permohonan perkhidmatan Pewarisan ASNB (rujuk "Tawaran dan Mekanisme Kempen" di bawah) di mana-mana cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen.

### Tawaran dan Mekanisme Kempen

1. Peserta yang layak akan menerima tawaran diskaun yuran pendaftaran Pewarisan ASNB seperti berikut:

Penerangan		Yuran Pendaftaran
1.	Mendaftar perkhidmatan Pewarisan ASNB	Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00)

Penerangan		Yuran Pendaftaran
2.	Pelaburan berjumlah Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dan ke atas <u>dalam satu transaksi</u> dalam mana-mana tabung unit amanah ASNB Harga Tetap atau Harga Berubah	Percuma

2. Bagi kelayakan yuran pendaftaran percuma, ianya tidak boleh dipindah milik kepada pemegang unit lain dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
3. Peserta boleh membuat pra-daftar untuk permohonan perkhidmatan Pewarisan ASNB melalui dalam talian terlebih dahulu sebelum penyerahan dokumen lengkap perkhidmatan Pewarisan ASNB kepada mana-mana cawangan ASNB atau permohonan terus di mana-mana cawangan ASNB dan pemprosesan permohonan perlu dilakukan dan diselesaikan dalam Tempoh Kempen.

Proses	Pra-daftar dalam talian	Permohonan terus di Cawangan ASNB
Langkah 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lengkapkan pra-daftar dalam talian di portal myASNB (<a href="http://www.myasnb.com.my">www.myasnb.com.my</a>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hadir ke cawangan ASNB berdekatan.</li> </ul>
Langkah 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cetak dan lengkapkan dokumen berikut (“Dokumen Lengkap”): <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Surat Kuasa Wakil</li> <li>(ii) Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dansaksi yang telah disahkan benar daripada salinan asal</li> <li>(iii) Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima / penjaga Hibah dan saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Lengkapkan dokumen berikut (“Dokumen Lengkap”): <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Borang Permohonan PH1A/PH1B</li> <li>(ii) Surat Kuasa Wakil</li> <li>(iii) Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dan saksi yang telah disahkan benar dari salinan asal</li> <li>(iv) Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A) (Aqad) yang telah ditandatangani oleh pemberi Hibah, penerima/penjaga Hibah dan saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja)</li> </ul> </li> </ul>
Langkah 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 dan lengkapkan pendaftaran di cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh penghantaran pra-daftar dalam talian. Sekiranya penyerahan ke cawangan ASNB dilakukan selepas sembilan puluh (90) hari, Peserta perlu melakukan semula pra-daftar dalam talian.</li> <li>▪ Sekiranya Peserta layak untuk menerima yuran pendaftaran percuma, Peserta disarankan membawa bukti pelaburan seperti berikut untuk memudahkan proses permohonan:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Salinan borang pelaburan tambahan atau salinan cetak</li> <li>(ii) “Screenshot” slip transaksi atau notis SMS bagi pelaburan melalui myASNB, perbankan internet, /mesin ATM/mesin kiosk (di cawangan ASNB yang terlibat)</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 untuk melengkapkan proses permohonan.</li> <li>▪ Sekiranya Peserta layak untuk menerima yuran pendaftaran percuma, Peserta disarankan membawa bukti pelaburan seperti berikut untuk memudahkan proses permohonan:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Salinan borang pelaburan tambahan atau salinan cetak</li> <li>(ii) “Screenshot” slip transaksi atau notis SMS bagi pelaburan melalui myASNB, perbankan internet, /mesin ATM/mesin kiosk (di cawangan ASNB yang terlibat)</li> </ul> </li> </ul>

Nota: 1. Peserta dinasihatkan membuat janji temu untuk berurusan di cawangan ASNB melalui laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

2. Penyerahan Dokumen Lengkap mesti dilakukan dalam Tempoh Kempen (1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022)

untuk layak menerima tawaran Kempen.

3. Borang PH1A/PH1B dan Surat Kuasa Wakil boleh dimuatturun dari laman web ASNB ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)).

4. Bagi Peserta yang ingin mendapatkan yuran percuma pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB, syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:-
- (i) Pelaburan mesti dibuat dalam mana-mana akaun tabung unit amanah ASNB (Harga Tetap atau Berubah) Peserta sendiri dengan jumlah pelaburan minima sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dan ke atas dalam satu transaksi;
  - (ii) Pelaburan adalah dalam bentuk tunai, pindahan dari akaun bank atau cek (tidak termasuk penukaran dan pemindahan tabung unit amanah).
  - (iii) Pelaburan dibuat melalui salah satu platform pelaburan ("Platform") berikut:
    - a) Kaunter cawangan ASNB atau ejen-ejen ASNB
    - b) Portal myASNB ([www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)) atau aplikasi mudah alih
    - c) Perbankan internet ejen-ejen ASNB
    - d) Mesin Automated Teller Machine ("ATM") / Self Service Terminal ("SST") ejen-ejen ASNB
    - e) Skim Potangan Gaji ("SPG") (Kerajaan dan syarikat swasta)
    - f) Arahan Tetap melalui Maybank atau Bank Simpanan Nasional
    - g) Mesin kiosk di cawangan ASNB yang terlibat
  - (iv) Pelaburan yang dibuat oleh Peserta mestilah berjaya dikreditkan ke dalam akaun tabung unit amanah ASNB Peserta ketika penyerahan dokumen yang lengkap dihantar di mana-mana cawangan ASNB.
  - (v) Jika terdapat jualan balik dilakukan oleh Peserta daripada mana-mana tabung unit amanah ASNB sebelum dan pada masa penyerahan dokumen lengkap permohonan perkhidmatan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB, Peserta tidak layak untuk mendapat tawaran Kempen.

### Contoh

Berikut adalah contoh beberapa senario untuk menggambarkan bagaimana untuk memenuhi syarat mendapat tawaran Kempen. Senario di bawah hendaklah dirujuk kepada perkara-perkara i bawah Kelayakan.

#### **Senario 1:**

*Peserta hadir ke cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen dan menyerahkan dokumen lengkap untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB. Peserta layak mendapat tawaran Kempen dengan Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) yuran pendaftaran.*

#### **Senario 2:**

*Peserta melengkapkan pra-daftar dalam talian untuk Pewarisan ASNB pada 3 Oktober 2022. Pada 1 November 2022, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap di cawangan ASNB. Peserta layak untuk mendapat tawaran Kempen dengan yuran pendaftaran Pewarisan ASNB sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) kerana penyerahan Dokumen Lengkap dilakukan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari setelah penghantaran pra-daftar dalam talian dan semasa Tempoh Kempen.*

**Senario 3:**

Peserta melengkapkan pra-daftar dalam talian pada 1 June 2022. Pada 3 Oktober 2022, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB di cawangan ASNB. Peserta tidak layak untuk tawaran Kempen kerana penyerahan dokumen yang lengkap dilakukan selepas sembilan puluh (90) hari dari penghantaran pra-daftar dalam talian.

Peserta boleh melakukan salah satu daripada pilihan berikut untuk layak tawaran Kempen:

- (i) Lakukan semula pra-daftar dalam talian dan serahkan dokumen yang lengkap di cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari setelah penghantaran pra-daftar dalam talian dan mestilah semasa Tempoh Kempen; atau
- (ii) Daftar Pewarisan ASNB secara terus di cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen.

**Senario 4:**

Peserta melengkapkan pra-daftar dalam talian pada bulan Disember 2022. Pada bulan Januari 2023, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap untuk Pewarisan ASNB di cawangan ASNB dan penyerahan dibuat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari setelah penghantaran pra-daftar dalam talian. Peserta tidak layak untuk tawaran Kempen kerana penyerahan Dokumen Lengkap dilakukan selepas Tempoh Kempen. Pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB adalah tertakluk kepada kadar biasa yuran pendaftaran iaitu berjumlah Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh (RM180).

**Senario 5:**

Peserta melengkapkan pra-daftar dalam talian pada 28 September 2022. Peserta membuat pelaburan dengan jumlah minimum dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah dalam satu transaksi pada 3 Oktober 2022, untuk mendapat kelayakan tawaran yuran pendaftaran percuma. Pada 28 Oktober 2022, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan di cawangan ASNB. Peserta tidak layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma kerana pra-daftar dalam talian dilakukan sebelum Tempoh Kempen.

**Senario 6:**

Peserta melengkapkan pra-daftar dalam talian untuk Pewarisan ASNB pada 3 Oktober 2022. Peserta melaburkan jumlah minimum dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah dalam satu transaksi pada 3 Oktober 2022 untuk mendapat kelayakan tawaran yuran pendaftaran percuma. Pada 28 Oktober 2022, Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan di cawangan ASNB. Peserta layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma kerana pra-daftar dalam talian dilakukan semasa Tempoh Kempen.

**Senario 7:**

Peserta melabur dengan jumlah minimum dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah dalam satu transaksi pada 3 Oktober 2022 untuk mendapat kelayakan tawaran yuran pendaftaran percuma. Pada Disember 2022, Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan yang dibuat pada Oktober 2022. Peserta layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma kerana pelaburan dan serahan permohonan Pewarisan ASNB dilakukan semasa Tempoh Kempen.

**Senario 8:**

Peserta melabur dengan jumlah minimum dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah pada 3 Oktober 2022 untuk mendapat kelayakan tawaran yuran pendaftaran percuma. Pada November 2022,

Peserta telah melakukan jualan balik daripada salah satu akaun tabung unit amanahnya. Pada Disember 2022, Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB. Peserta tidak layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma kerana Peserta ada melakukan jualan balik sebelum serahan permohonan Pewarisan ASNB dilakukan di cawangan ASNB. Walaubagaimana pun, Peserta layak untuk yuran promosi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB.

**Senario 9:**

Peserta melabur dengan jumlah minimum dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah pada 3 Oktober 2022 untuk mendapat kelayakan tawaran yuran pendaftaran percuma. Pada 8 November 2022, Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan dokumen lengkap permohonan Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan yang dibuat pada Oktober 2022. Pada 24 November 2022, Peserta telah melakukan jualan balik dari salah satu tabung unit amanahnya. Peserta layak menerima tawaran Kempen yuran pendaftaran percuma kerana pelaburan dan serahan permohonan Pewarisan ASNB dilakukan semasa Tempoh Kempen dan jualan balik dilakukan selepas serahan permohonan Pewarisan ASNB dilakukan di cawangan ASNB.

**Senario 10:**

Peserta melabur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah pada September 2022. Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan Dokumen Lengkap untuk Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan yang dibuat pada September 2022. Peserta tidak layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma kerana pelaburan dibuat sebelum Tempoh Kempen. Walaubagaimana pun, Peserta layak untuk yuran promosi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB.

**Senario 11:**

Peserta melabur sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00) dalam tabung unit amanah Harga Berubah dalam dua (2) transaksi iaitu Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) dan Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00). Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan Dokumen Lengkap untuk Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan semasa Tempoh Kempen. Peserta layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma kerana jumlah pelaburan transaksi kedua Peserta ialah Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,00.000) dan memenuhi syarat pelaburan minimum.

**Senario 12:**

Peserta melabur sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00) dalam tabung unit amanah Harga Berubah dalam dua (2) transaksi iaitu Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) dan Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (RM15,000.00). Peserta hadir ke cawangan ASNB dan menyerahkan Dokumen Lengkap untuk Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan semasa Tempoh Kempen. Peserta tidak layak mendapat tawaran Kempen yuran pendaftaran Pewarisan ASNB percuma kerana jumlah pelaburan dalam satu transaksi adalah kurang dari syarat pelaburan minima. Walaubagaimana pun, Peserta layak untuk yuran promosi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB.

**Senario 13:**

Peserta membuat pelaburan melalui cek\* dalam tabung unit amanah Harga Tetap/Harga Berubah dengan jumlah minimum untuk mendapat kelayakan yuran pendaftaran percuma semasa Tempoh Kempen. Peserta menyerahkan Dokumen Lengkap permohonan Pewarisan ASNB berserta bukti pelaburan

*di cawangan ASNB. Sekiranya jumlah pelaburan belum diperuntukkan ke dalam akaun tabung unit amanah ASNB Peserta pada masa permohonan dibuat di cawangan ASNB, Peserta tidak layak menerima tawaran Kempen percuma yuran pendaftaran. Walaubagaimana pun, Peserta layak untuk yuran promosi sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) untuk pendaftaran perkhidmatan Pewarisan ASNB.*

*Sekiranya jumlah pelaburan telah diperuntukkan ke dalam akaun ASNB Peserta pada masa permohonan Pewarisan ASNB dibuat di cawangan ASNB, Peserta layak menerima tawaran Kempen.*

*[Catatan: \*Pelaburan melalui cek hanya boleh dilakukan di cawangan ASNB sahaja dan mengambil tempoh sehingga enam (6) hari untuk dikreditkan ke dalam akaun ASNB pemegang unit. Pelaburan melalui cek dianggap berjaya setelah jumlah pelaburan dikreditkan ke dalam akaun Peserta].*

### **Lain-lain Terma dan Syarat**

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Keputusan ASNB, sebagai penganjur, adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
2. ASNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
3. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam kempen ini.
5. Terma dan Syarat Kempen ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi samada bercetak atau elektronik yang lain.
6. Terma dan Syarat Kempen ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.
7. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma dan Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.